



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 4 TAHUN 2025

**PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR ORGANISASI DAN TADBIR URUS UNIVERSITI
MALAYSIA TERENGGANU (UMT) TAHUN 2025**

Tujuan

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tahun 2025.

Latar Belakang

2. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan berdaya saing, UMT perlu memastikan struktur organisasi dan fungsinya yang menjadi asas kepada tadbir urus yang cemerlang sentiasa dikemas kini dan relevan dengan keperluan semasa.

Penambahbaikan Struktur Organisasi dan Tadbir Urus UMT

3. Selaras dengan perkembangan semasa Universiti serta tuntutan keperluan pelbagai pihak dan pemegang taruh, Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Kali Ke-318 (Bilangan 14 Tahun 2025) telah membuat ketetapan berikut:
 - a) Penjenamaan semula Makmal Penyelidikan Luar (MPL) kepada **Pusat Konservasi Marin (*Centre for Marine Conservation*) (CMC)**. Penjajaran semula ini bakal menghasilkan impak yang lebih besar khususnya dalam kelestarian sumber marin negara.
 - b) Penjenamaan semula Pusat Rujukan & Repositori Laut China Selatan (RRC) kepada **Pusat Rujukan & Repositori Universiti Malaysia Terengganu (RRC-UMT)**. Penstrukturan ini adalah berlandaskan kepada aspirasi RMK12-RP5 yang menekankan agenda nasional untuk memperkukuh pangkalan data biodiversiti, meningkatkan kapasiti penyelidikan, dan membangunkan kemudahan saintifik bertaraf antarabangsa.

4. Kedua-dua PTj ini adalah bertaraf PTj Tier 2 di bawah Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS).
5. Carta organisasi terkini UMT adalah seperti di **Lampiran 1**.

Tarikh Kuat Kuasa

6. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **15 Oktober 2025**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tersebut.

"KEBERSAMAAN UMT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



TS WAN ABDUL MANAN BIN WAN ABDULLAH
Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu

CARTA ORGANISASI – UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Tarikh Kemas kini : 1 Oktober 2025

